



MAJLIS
BANDARAYA
SHAH ALAM

WISMA MBSA

EDISI 3
FRAGMEN
MBSA

2021

PROLOG . .

DASAR ●

Khidmat
Terbaik

VISI ●

Menjadikan Shah Alam Bandar Raya
Yang Berkualiti, Sejahtera,
Kondusif Dan Terunggul

MISI ●

Meningkatkan Tadbir Urus MBSA
Sebagai Organisasi Yang Efisien, Efektif,
Kompeten, Dinamis dan Terus Cemerlang

FRAGMEN merupakan buku kompilasi program-program anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sepanjang tahun 2021. Saban tahun, pelbagai aktiviti berbentuk komuniti, inisiatif hijau, kesenian dan kebudayaan, sukan, kunjungan delegasi luar negara dan pelbagai lagi menjadi fokus kepada pihak MBSA dalam penganjuran program tahunannya.

Dalam negara menghadapi pemuliharaan pasca Covid-19, program-program anjuran pihak MBSA yang tertangguh tetap dilaksanakan mengikut kesesuaian penganjuran aktiviti tersebut. Penganjuran beberapa program seperti bengkel, taklimat dan program komuniti dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) serta mengamalkan norma baharu seperti penjarakan fizikal, penggunaan pelitup muka, penggunaan 'hand-sanitizer', rekod suhu badan dan sebagainya.

Penerbitan buku Fragmen ini diharapkan dapat memberi manfaat serta makluman kepada komuniti berkenaan aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pihak MBSA.

KANDUNGAN

SEPTEMBER

- 3 — OPERASI PEMATUHAN SOP DI TAMAN TASIK SHAH ALAM
- 5 — MALAYSIA URBAN FORUM 2021
- 8 — MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN DI ANTARA MBSA DAN MSU
- 10 — PEMANTAUAN JABATAN PELESENAN DI TAPAK PASAR MALAM ZON UTARA
- 12 — SUMBANGAN BAKUL PRIHATIN KEPADA PENIAGA PASAR MALAM
- 14 — PENYERAHAN BAKUL PRIHATIN OLEH PEMAJU KLANG GROUP SDN. BHD.
- 16 — SESI DIALOG PEMBENTANGAN BAJET 2022
- 19 — DATUK BANDAR TURUN PADANG MELAWAT LOKASI BANJIR DI SHAH ALAM
- 21 — MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEJOHANAN E-GAMES MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK MBSA CHALLENGE 2021
- 23 — MESYUARAT BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI KOTA KEMUNING

OPERASI PEMATUHAN SOP DI TAMAN TASIK SHAH ALAM

3 SEPTEMBER 2021

Anggota Renjer Taman dari Jabatan Penguatkuasaan MBSA telah melakukan Operasi Pematuhan SOP di Taman Tasik Shah Alam pada 3 September 2021. Operasi ini dijalankan bagi memastikan orang ramai yang berkunjung dan beriadah di Taman Tasik Shah Alam mematuhi segala SOP seperti memakai pelitup muka, menjaga penjarakan fizikal dan mengimbas kod QR MYSejahtera.




FRAGMEN MBSA 2021





MALAYSIA URBAN FORUM 2021


6 – 8 SEPTEMBER 2021

Penganjuran Malaysia Urban Forum 2021 adalah sejajar dengan kerangka National Urban Forum UN-Habitat yang mempromosikan perbincangan inklusif bagi meningkatkan strategi, polisi, program dan tindakan urbanisasi Malaysia dan merangkumi penyertaan Kerajaan serta pihak berkepentingan yang menyokong agenda bandar lestari.






FRAGMEN MBSA 2021



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN DI ANTARA MBSA DAN MSU

7 SEPTEMBER 2021

Pada 7 September 2021 telah diadakan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) Di Antara Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Management & Science University (MSU) secara dalam talian. Perjanjian persefahaman ini merupakan kerjasama strategik dalam menjayakan program Sustainable Development of Goals (SDGs) dan Low Carbon Cities Framework (LCCF) Shah Alam.





PEMANTAUAN JABATAN PELESENAN DI TAPAK PASAR MALAM ZON UTARA

11 SEPTEMBER 2021

Jabatan Pelesenan MBSA telah mengadakan pemantauan di Tapak Pasar Malam Zon Utara iaitu di Seksyen U13 pada 11 September 2021. Pemantauan ini dijalankan bagi memastikan pengunjung yang hadir ke pasar malam tersebut mematuhi garis panduan dan Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan seperti menggunakan pelitup muka, penggunaan 'hand sanitizer', penjarakan fizikal, mengimbas kod QR MySejahtera dan sebagainya.





SUMBANGAN BAKUL PRIHATIN KEPADA PENIAGA PASAR MALAM

21 SEPTEMBER 2021

Atas dasar prihatin terhadap peniaga pasar malam yang terkesan akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melalui Jabatan Pelesenan telah menyerahkan sumbangan bakul prihatin berserta baucar pembelian barang dari 99 Speedmart kepada para peniaga pasar malam. Sumbangan bakul prihatin ini merupakan usahasama di antara pihak MBSA dan Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (KOHIJRAH).





PENYERAHAN BAKUL PRIHATIN OLEH PEMAJU KLANG GROUP SDN. BHD.

23 SEPTEMBER 2021

Pada 23 September 2021, Klang Group Sdn. Bhd. telah menyerahkan sumbangan barang keperluan harian kepada pihak MBSA melalui Program Bakul Prihatin. Barang keperluan harian seperti beras, minyak, mi segera, sardin, biskut dan lain-lain bernilai RM16,260.00 telah diserahkan oleh Encik Danny Ong, Ahli Lembaga Pengarah Klang Group Sdn. Bhd. dan Encik Joshua Pung, Business Development Director Klang Group Sdn. Bhd







SESI DIALOG PEMBENTANGAN BAJET 2022

24 SEPTEMBER 2021

Pada 24 September 2021, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah mengadakan Sesi Dialog Bajet 2022 bertempat di Dewan Perbandaran, Wisma MBSA. Bajet 2022 MBSA adalah bergagaskan tema "Mendepani Pasca Pandemik Untuk Kemakmuran Bersama" dengan melaksanakan bajet defisit. Pembentangan telah dilakukan oleh Tuan Haji Affandi bin Haji Jaafar, Pengarah Jabatan Kewangan. Bajet yang dibentangkan mengandungi anggaran hasil sebanyak RM484,747,280.00.







DATUK BANDAR TURUN PADANG MELAWAT LOKASI BANJIR DI SHAH ALAM

27 SEPTEMBER 2021

YBhg. Dato' Haji Zamani Ahmad bin Mansor, Datuk Bandar Shah Alam telah turun padang melihat sendiri kawasan yang terjejas akibat banjir kilat yang berlaku di sekitar kawasan Shah Alam. Turut sama dalam lawatan ini adalah Tuan Mohd Rashidi bin Ruslan, Timbalan Datuk Bandar dan beberapa orang ketua jabatan MBSA.





MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEJOHANAN E-GAMES MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK MBSA CHALLENGE 2021

29 SEPTEMBER 2021

Kejohanan ini berkonsepkan secara dalam talian di mana terdapat 3 sukan yang dipertandingkan iaitu Mobile Legend, PUBG Mobile dan PES Mobile 2021. Kejohanan ini telah berlangsung selama 3 minggu iaitu pada 13 hingga 29 Ogos 2021.





MESYUARAT BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI KOTA KEMUNING

30 SEPTEMBER 2021

Pihak MBSA telah mengadakan mesyuarat bersama YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman, Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning merangkap Exco Kebajikan Masyarakat, Pekerja & Kerajaan Prihatin Negeri Selangor pada 30 September 2021. Mesyuarat turut membincangkan mengenai isu dan aduan dalam kawasan DUN Kota Kemuning.





KANDUNGAN


OKTOBER


- 26** — WEBINAR PENGURANGAN PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA
- 28** — OPERASI KENDERAAN BERAT
- 30** — PENYERAHAN CENDERAHATI KELAHIRAN BAYI SEMPENA ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-21
- 32** — MAJLIS BACAAN YASIN SEMPENA ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-21
- 34** — LAWATAN DARI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR MALAYSIA
- 36** — SESI LAWATAN MAYA MBSA – MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN PEMODENAN PENTADBIRAN AWAM
- 38** — PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN @ SHAH ALAM
- 40** — PROGRAM KONVOI JELAJAH MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK
- 43** — PENGITIRAFAN THE 5TH ASEAN ENVIRONMENTALLY SUSTAINABLE CITIES (ESC) AWARD AND 4TH CERTIFICATE OF RECOGNITION KEPADA MBSA
- 45** — PROGRAM KAYUHAN SEMPENA PELANCARAN HARI SUKAN MBSA 2021
- 47** — HARI MBSA DAN ANDA 2021
- 50** — MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PAKEJ KITA SELANGOR 2.0
- 52** — JALINAN KERJASAMA MBSA BERSAMA NESTLE PRODUCTS SDN. BHD.
- 55** — FORUM PUSPANITA MBSA SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-21

WEBINAR PENGURANGAN PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA

5 OKTOBER 2021

Webinar ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan secara menyeluruh terhadap penggunaan plastik sekali guna (Single Use Plastic). Selain itu, webinar ini juga diharapkan dapat meningkatkan kesedaran kepada orang ramai khususnya komuniti Shah Alam mengenai kesan negatif disebabkan penggunaan plastik yang berlebihan secara berterusan kepada alam sekitar.





OPERASI KENDERAAN BERAT

6 OKTOBER 2021

Jabatan Penguatkuasaan MBSA telah mengadakan Operasi Kenderaan Berat di Seksyen U1 dan U12 pada 6 Oktober 2021. Operasi menunda kenderaan berat ini diadakan bertujuan untuk mengesan dan membanteras masalah kenderaan berat seperti lori dan bas yang diletakkan di kawasan awam seperti bahu jalan/halang jalan, kawasan kediaman dan rizab jalan.





PENYERAHAN CENDERAHATI KELAHIRAN BAYI SEMPENA ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-21

10 OKTOBER 2021

Seramai 24 orang bayi telah dilahirkan di Hospital Shah Alam, seorang bayi di Avisena Women's & Children's Specialist Hospital, 2 orang bayi di KPJ Selangor Specialist Hospital dan 4 orang bayi di Hospital Umra Shah Alam pada 10 Oktober 2021 bersempena sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-21. Sehubungan dengan itu, pihak MBSA telah menyerahkan hadiah berupa hamper sebagai tanda kesyukuran dan berkongsi kegembiraan bagi meraikan kelahiran bayi pada 10 Oktober 2021.



FRAGMEN MBSA 2021



MAJLIS BACAAN YASIN SEMPENA ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-21

11 OKTOBER 2021

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat pada 11 Oktober 2021 bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Seksyen 14, Shah Alam. Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat ini diadakan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT kerana bandar raya Shah Alam sentiasa berada dalam suasana yang aman, harmoni dan sejahtera. Program ini juga adalah program berteraskan pengisian kerohanian untuk merapatkan ukhuwah di antara MBSA dan warga Shah Alam.





LAWATAN DARI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR MALAYSIA

12 OKTOBER 2021

Seramai 10 orang wakil dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia telah mengadakan lawatan ke lokasi mesin Asher di Pusat Kitar Semula Seksyen U2, Shah Alam. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat kaedah pengoperasian mesin tersebut bagi melupuskan sisa pepejal dan isu-isu lain yang berkaitan dengan penggunaan mesin tersebut.



FRAGMEN MBSA 2021



SESI LAWATAN MAYA MBSA – MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN PEMODENAN PENTADBIRAN AWAM

12 OKTOBER 2021

Pada 12 Oktober 2021, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah dijemput untuk menyertai slot Sesi Lawatan Maya Majlis Bandaraya Shah Alam bersempena Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pemodenan Pentadbiran Awam (JPPPA) Bilangan 2 Tahun 2021. Menerusi sesi lawatan secara maya ini, pihak MBSA telah berkongsi maklumat dan pengetahuan berhubung urus tadbir di bandar raya Shah Alam serta pemerkasaan penggunaan sistem serta aplikasi untuk memudahkan komuniti berurusan dengan pihak MBSA. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Yusof Bin Ismail, Ketua Pengarah Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).





PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN @ SHAH ALAM

14 OKTOBER 2021

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah melancarkan Program Pembangunan Usahawan @ Shah Alam sempena sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-21 pada 14 Oktober 2021 bertempat di Auditorium MBSA. Program ini merupakan inisiatif MBSA untuk mendekati para usahawan, peniaga, penjaja di bawah kawasan pentadbiran MBSA serta memberi kesedaran dan pemahaman mengenai syarat dan peraturan Majlis yang telah ditetapkan serta menangani isu dan masalah dalam kalangan para penjaja





FRAGMEN MBSA 2021



PROGRAM KONVOI JELAJAH MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK

16 OKTOBER 2021

Program ini merangkumi tiga lokasi melibatkan zon utara, zon tengah dan zon selatan dalam kawasan pentadbiran MBSA. Lokasi pertama adalah di Dewan MBSA (Meranti) Seksyen U20 (zon utara), lokasi kedua di Dewan MBSA (Kenanga), Seksyen 28 (zon selatan) dan lokasi ketiga di kebun Komuniti Lapan Timur, Seksyen 8 (zon tengah). Program ini merupakan platform MBSA untuk membolehkan masyarakat di kawasan Shah Alam mengetahui dengan lebih mendalam fungsi serta peranan Majlis.



FRAGMEN MBSA 2021





PENGIKTIRAFAN THE 5TH ASEAN ENVIRONMENTALLY SUSTAINABLE CITIES (ESC) AWARD AND 4TH CERTIFICATE OF RECOGNITION KEPADA MBSA

21 OKTOBER 2021

Pihak ASEAN Working Group for Environmentally Sustainable Cities (AWGESC) yang dihoskan oleh pihak di Indonesia telah memberikan anugerah The 5th Environmentally Sustainable Cities (ESC) Award And 4th Certificate of Recognition kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melalui program yang telah diadakan secara dalam talian pada 21 Oktober 2021





PROGRAM KAYUHAN SEMPENA PELANCARAN HARI SUKAN MBSA 2021

23 OKTOBER 2021

Pada 23 Oktober 2021, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah mengadakan Program Kayuhan sempena Pelancaran Hari Sukan MBSA 2021 bertempat di Pejabat Cawangan Kota Kemuning. Para peserta telah berkayuh sejauh 80 kilometer di sekitar Bandar Raya Shah Alam. Program Kayuhan ini turut mendapat kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta anggota Penguatkuasa MBSA




FRAGMEN MBSA 2021



HARI MBSA DAN ANDA 2021

23 OKTOBER 2021

Pelaksanaan Program Hari MBSA dan Anda adalah sebagai platform kepada orang ramai khususnya warga Shah Alam untuk bertemu dengan pihak pengurusan MBSA bagi menyalurkan aduan dan permasalahan yang berlaku di kawasan pentadbiran MBSA. Selain itu, program ini juga merupakan komitmen berterusan pihak Majlis untuk mempertingkatkan lagi sistem penyampaian kepada komuniti setempat.



FRAGMEN MBSA 2021





MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PAKEJ KITA SELANGOR 2.0

25 OKTOBER 2021

YB Tuan Ir. Izham bin Hashim, Exco Infrastruktur & Pertanian Negeri Selangor bersama-sama YB Puan Rodziah binti Ismail, Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar & Pembangunan Usahawan Negeri Selangor telah hadir dalam program serahan bantuan Pakej Kita Selangor 2.0 kepada 11 Kebun Komuniti di bawah Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Klang. Setiap kebun menerima bantuan RM5,000.00 berbentuk kelengkapan dan input pertanian.





JALINAN KERJASAMA MBSA BERSAMA NESTLE PRODUCTS SDN. BHD

26 OKTOBER 2021


Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Majlis Bandaraya Shah Alam & Nestle Products Sdn Bhd Bersama KPT Recycle Sdn Bhd ini adalah kerjasama pintar di antara MBSA dan Nestle Products Sdn Bhd bagi program kitar semula di kawasan kediaman bertingkat yang terpilih di kawasan pentadbiran MBSA. Program yang julung kali diadakan ini melibatkan perumahan strata yang terpilih di Seksyen 18 dan 24 mengikut zon kutipan.



FRAGMEN MBSA 2021



FRAGMEN MBSA 2021




FORUM PUSPANITA MBSA SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-21

29 OKTOBER 2021

Pada 29 Oktober 2021, PUSPANITA MBSA telah mengadakan Forum Puspanita Sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-21 bertempat di Auditorium, Wisma MBSA. Objektif utama penganjuran forum ini adalah bagi memberi panduan kehidupan bersyariat kepada kakitangan wanita untuk berjaya di dunia dan akhirat. Seramai 300 orang kakitangan wanita telah menyertai forum yang turut diserikan dengan kehadiran selebriti Heliza Helmi selaku moderator dalam forum tersebut.





KANDUNGAN

NOVEMBER

- 58** — SHAH ALAM HARI TANPA KENDERAAN EDISI NOVEMBER
- 61** — SAMBUTAN HARI INTEGRITI 2021
- 63** — AUDIT PENSIJILAN EKSA-DIY PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR
- 66** — MAJLIS PELANCARAN BUKU JADUAL KADAR HARGA MBSA
- 68** — OPERASI MENEMBAK GAGAK

SHAH ALAM HARI TANPA KENDERAAN EDISI NOVEMBER

14 NOVEMBER 2021

Setelah sekian lama, program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kembali menemui warga Shah Alam pada 14 November 2021 bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Seksyen 14. Program ini diadakan semula setelah tertangguh disebabkan pandemik Covid-19. Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan pada kali ini turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik kepada orang ramai antaranya 'Fun Run', acara berbasikal, acara senamrobik/zumba, persembahan buskers, cabutan bertuah/kuiz dan belon udara panas.







SAMBUTAN HARI INTEGRITI 2021

16 NOVEMBER 2021

Pelaksanaan Hari Integriti ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran serta kefahaman mengenai integriti dalam bidang pekerjaan serta memberikan ruang dan peluang kepada warga kerja MBSA untuk berkongsi idea dan pengalaman bersama panel yang membicarakan topik berkaitan integriti. Program ini juga merupakan inisiatif pihak Majlis bagi memperkasakan integriti dalam kalangan warga kerja MBSA.



FRAGMEN MBSA 2021



AUDIT PENSIJILAN EKSA-DIY PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

16 – 18 NOVEMBER 2021

Pada 16 hingga 18 November 2021 telah diadakan satu Lawatan Penilaian Bagi Pengauditan Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Do-It-Yourself (DIY) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor ke Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Sesi pengauditan terbahagi kepada dua iaitu Kumpulan A dan Kumpulan B yang turut merangkumi beberapa zon mengikut Jabatan dan Bahagian.





FRAGMEN MBSA 2021



MAJLIS PELANCARAN BUKU JADUAL KADAR HARGA MBSA

18 NOVEMBER 2021

Penerbitan Buku Jadual Kadar Harga ini merupakan inisiatif pihak MBSA untuk memberikan panduan kadar harga pasaran bagi kerja-kerja yang lazim dijalankan oleh pihak MBSA. Buku Jadual Kadar Harga ini telah diterbitkan mengikut dua kategori iaitu Buku Jadual Kadar Harga Kerja-Kerja Bangunan & Infrastruktur dan Buku Jadual Kadar Harga Kerja-Kerja Landskap & Pembersihan.





OPERASI MENEMBAK GAGAK

28 NOVEMBER 2021

Seramai 10 orang penembak telah mengambil bahagian dalam Operasi Menembak Gagak yang telah diadakan pada 28 November 2021 dan sebanyak 1,453 ekor burung gagak telah berjaya ditembak dalam operasi ini. Operasi ini diadakan bagi mengurangkan populasi gagak yang boleh menyebabkan kacau ganggu awam terutamanya di kawasan pentadbiran MBSA.







KANDUNGAN

DISEMBER

- 72** — KEJOHANAN SUKAN PANTAI MBSA 2021
- 75** — PROGRAM HI-TEA KESIHATAN MENTAL WANITA
- 77** — MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM DAN SELANGOR INDUSTRIAL CORPORATION SDN. BHD.
- 79** — 'LANGIT SHAH ALAM MENANGIS'
- 84** — PENGOPERASIAN BILIK GERAKAN BANJIR SHAH ALAM
- 89** — BILIK GERAKAN BANJIR SHAH ALAM BANTUAN MAKANAN
- 94** — MUSIBAH BANJIR DI TAMAN SRI MUDA

KEJOHANAN SUKAN PANTAI MBSA 2021

4&5 DAN 11&12 DISEMBER 2021

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) buat julung kalinya telah mengadakan Kejohanan Sukan Pantai MBSA pada 4 dan 5 Disember 2021 serta 11 dan 12 Disember 2021 bertempat di Dewan Besar Tanjung MBSA Seksyen 19, Shah Alam. Antara sukan yang dipertandingkan sepanjang Kejohanan Sukan Pantai ini adalah Bola Tampar Pantai, Tarik Tali Pantai, Sepak Takraw Pantai dan Petanque.





FRAGMEN MBSA 2021



PROGRAM HI-TEA KESIHATAN MENTAL WANITA

10 DISEMBER 2021

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melalui Jabatan Pembangunan Komuniti dan Jawatankuasa Kecil Hal Ehwal Wanita MBSA telah menganjurkan Program Hi-Tea Kesihatan Mental Wanita pada 10 Disember 2021 bertempat di Dewan Bankuet, Wisma MBSA. Dengan tema "Minda Sihat Jiwa Hebat", program ini diadakan khas kepada kaum ibu untuk membuka minda tentang pengurusan stres dengan mendengar tips daripada kaunselor bertauliah di samping berukhuwah bersama kaum wanita lain.





MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM DAN SELANGOR INDUSTRIAL CORPORATION SDN. BHD.

15 DISEMBER 2021

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman ini merupakan kerjasama di antara pihak MBSA dan SIC dalam bidang penyelidikan, pembangunan inovasi, komersialisasi dan latihan yang berkaitan dengan pembangunan teknologi berteraskan Revolusi Industri 4.0. Kerjasama ini adalah berkonsepkan koordinasi usaha sama kedua-dua pihak dalam projek dan aktiviti yang dilaksanakan secara berterusan dan juga bantuan teknologi yang berupaya meningkatkan prestasi dalam bidang masing-masing.



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM



'LANGIT SHAH ALAM MENANGIS'


17 DISEMBER 2021

Penghujung tahun 2021 dikejutkan dengan musibah banjir besar yang melanda beberapa buah negeri di Malaysia. Beberapa kawasan di Negeri Selangor termasuk Shah Alam turut diuji dengan keadaan banjir yang luar biasa. Banyak kawasan yang terjejas teruk akibat banjir yang melanda kawasan Shah Alam antaranya Taman Sri Muda Seksyen 25, TTDI Jaya Seksyen U2, sekitar Seksyen 13, Kampung Kebun Bunga Seksyen 22, Kampung Baru HICOM Seksyen 26, Kampung Lombong Seksyen 29, Taman Alam Indah Seksyen 33, Kampung Padang Jawa dan beberapa kawasan yang lain.











PENGOPERASIAN BILIK GERAKAN BANJIR SHAH ALAM


18 – 31 DISEMBER 2021

Bilik Gerakan Banjir secara dasarnya berperanan dalam menghubungkan kawasan yang dilanda bencana banjir dengan pihak pengurusan. Bilik Gerakan Banjir Shah Alam turut menjadi pusat pengumpulan maklumat operasi harian dari kawasan bencana serta menyemak maklumat harian yang dikemukakan dari kawasan bencana. Selain itu, ia turut menjadi pusat untuk mengkaji dan menganalisa maklumat harian, menyediakan laporan harian untuk disalurkan kepada pihak-pihak berkaitan seperti Kerajaan Negeri Selangor dan pihak media massa











BILIK GERAKAN BANJIR SHAH ALAM BANTUAN MAKANAN

18 – 31 DISEMBER 2021

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) turut tidak terkecuali dalam menyelaras misi bantuan mangsa banjir di sekitar kawasan Shah Alam yang terjejas akibat musibah ini. Pelbagai bentuk sumbangan dan bantuan telah dihulurkan termasuk usaha para sukarelawan sama ada dari pihak organisasi mahupun individu sama-sama turun padang bagi membantu misi ini.

Barang sumbangan yang diterima dari agensi kerajaan, organisasi, NGO dan sukarelawan berupa makanan kering seperti biskut, mi segera, susu dan air mineral, peralatan mandian dan keperluan peribadi, kit pembersihan, tilam, bantal, selimut, lampin bayi dan banyak lagi. Kesemua barang ini telah dihantar ke Bilik Gerakan Banjir Shah Alam Bantuan Makanan di Wisma MBSA dan kemudiannya telah diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir mengikut kawasan yang telah disenaraikan.











MUSIBAH BANJIR DI TAMAN SRI MUDA

18 – 24 DISEMBER 2021

Tarikh 18 Disember 2021 pastinya menjadi tarikh keramat kepada penduduk di kawasan Taman Sri Muda kerana musibah banjir yang melanda kawasan tersebut. Seramai lebih kurang 300 anggota penyelamat yang terdiri daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia (PDRM), tentera dan agensi berkaitan telah digerakkan bagi menyelamat dan memindahkan segera mangsa banjir di Taman Sri Muda.


Kawasan yang mempunyai kira-kira 4,400 rumah itu menjadi tumpuan utama pihak penyelamat dan sukarelawan di Selangor bagi kerja-kerja menyelamat dan pemindahan mangsa banjir. Tidak dinafikan bahawa kerja-kerja menyelamat agak sukar di kawasan tersebut kerana kawasan perumahan yang agak padat, namun bantuan makanan dan usaha menyelamat tetap diteruskan. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang membantu secara langsung atau tidak langsung bagi memastikan keselamatan penduduk di Taman Sri Muda terjamin.













MBSA

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

 www.mbsa.gov.my  [shahalamcitycouncil](#)
 [sacitycouncil](#)  [@sacitycouncil](#)